

**Pak Samad memalukan, tak senonoh, kata Muhyiddin  
Malaysian Insider  
Sept 6 , 2013  
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Tan Sri Muhyiddin Yassin (gambar) hari ini menyelar tindakan Datuk A. Samad Said kerana terlibat dengan insiden pengibaran bendera Sang Saka Malaya dan menyifatkan ia merupakan perbuatan yang memalukan.

Timbalan Perdana Menteri itu kesal apabila insiden tersebut terjadi ketika negara sedang menyambut kemerdekaan.

"Penglibatan Samad amat memalukan dan ia sangat tidak senonoh kerana dia membawa nama sasterawan," katanya dalam ucapan semasa program TPM berdialog bersama warga UM, di Universiti Malaya, Kuala Lumpur merujuk kepada Sasterawan Negara, Samad.

Menurut Muhyiddin, dakwaan kononnya bendera Sang Saka Malaya itu harus dikibarkan kerana ia merupakan bendera asli Malaya juga tidak berasas kerana ia hanya bermotifkan politik semata-mata.

"Ia dilakukan oleh sekumpulan yang tidak berpuas hati dengan kerajaan, mereka akan mencari kesalahan dan ada tujuan yang tidak betul disebaliknya," katanya.

Sebelum ini Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang mengatakan gelaran tertinggi sastera itu boleh ditarik balik daripada Samad.

Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan (Perkasa) dilaporkan menuntut tindakan tegas dikenakan ke atas individu yang mengibarkan bendera Sang Saka Malaya.

Menurut Perkasa, individu berkenaan tidak layak menjadi warganegara Malaysia kerana perbuatan itu didakwa menghina bangsa dan negara.

Samad, dalam reaksinya juga berhubung desakan itu, berkata tidak takut sekiranya kerajaan memenuhi tuntutan kumpulan pendesak agar gelaran Sasterawan Negara yang diterimanya pada 1985 ditarik semula. – 6 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-sifatkan-samad-said-tidak-senonoh-berhubung-sang-saka-malaya>